

29/05/2000

Salah laku Ezam akan didedah

ALOR STAR, Ahad - Bekas Exco Pemuda Keadilan, Zuraidi Rahim, yang menyertai semula Umno yakin ramai lagi ahli parti itu akan mengikuti tindakannya apabila salah laku Ketua Pemuda, Mohd Ezam Mohd Noor, didedahkan.

Beliau mendakwa seorang rakan rapat Mohd Ezam akan mendedahkan salah laku peribadinya tidak lama lagi.

Menurut Zuraidi, individu berkenaan pernah belajar di sekolah dan institut pengajian tinggi bersama Mohd Ezam.

"Dia juga yang memberi maklumat mengenai salah laku Mohd Ezam kepada saya beberapa hari sebelum saya mengumumkan keluar daripada Keadilan," katanya yang membuat pengisytiharan menyertai semula Umno kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika Perdana Menteri melawat Kedah, Jumaat lalu.

Zuraidi, 29, yang juga Ketua Pemuda Keadilan Langkawi berkata, beliau percaya mengenai maklumat berhubung salah laku bekas Setiausaha Politik Datuk Seri Anwar Ibrahim itu, sekali gus menyebabkannya hilang kepercayaan terhadap kepemimpinan Mohd Ezam.

Ditanya sama ada salah laku itu berlaku ketika Mohd Ezam belum aktif dalam Keadilan, beliau berkata: "Ia berlaku sekarang ketika beliau (Mohd Ezam) dalam politik.

"Bagaimanapun, saya tidak akan mendedahkannya kerana hanya dimaklumkan kepada saya. Adalah menjadi tanggungjawab pemberi maklumat itu sendiri mendedahkannya."

Beliau berkata demikian kepada Berita Harian ketika dihubungi di Kuala Lumpur hari ini. Beliau berada di ibu negara untuk menemui rakan dalam Keadilan bagi menjelaskan keputusannya meninggalkan parti itu.

Zuraidi juga berkata, beliau kini sudah insaf bahawa hanya Umno berupaya membela orang Melayu.

Ditanya sejak bila beliau membuat keputusan menyertai semula perjuangan Umno, Zuraidi berkata, ia bermula selepas pertemuannya dengan Ketua Wanita Umno Wilayah Persekutuan, Dr Norraesah Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno lalu.

"Dr Norraesah menjelaskan mengenai perjuangan Umno sehingga saya mengambil keputusan meninggalkan Keadilan. Dia juga yang membawa saya bersama 14 yang lain menemui Dr Mahathir, Jumaat lalu," katanya.

Sehubungan itu, Zuraidi berpendapat pemimpin Umno perlu bertindak seperti Dr Norraesah dengan menemui sendiri ahli dan penyokong parti pembangkang bagi menarik mereka menyertai Umno.

"Antara pendekatan yang perlu digunakan adalah pujukan dan diberikan penjelasan, bukan disisih atau menekan mereka terus menerus. Jika kaedah berkenaan digunakan saya yakin sokongan kepada Umno akan pulih," katanya.

Zuraidi juga menafikan tanggapan sesetengah pihak kononnya beliau dijanjikan pelbagai habuan jika menyertai semula Umno.

Beliau juga akan menulis surat secara rasmi kepada Keadilan mengenai keputusannya keluar daripada parti itu.

Bagaimanapun, Zuraidi tidak bercadang mengisi semula borang keahlian Umno kerana mendakwa tidak pernah dipecat daripada parti itu.

"Saya ada menerima surat tunjuk sebab dari Umno dan telah menjawabnya. Bagaimanapun, tidak ada maklum balas daripada Umno. Justeru, saya masih ahli dan kini terpulang kepada Umno," katanya.

(END)

